

03/07/2002

Kes keganasan rumah tangga menurun 10.4 peratus

Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR, Selasa - Bilangan kes keganasan rumah tangga tahun lalu menurun 10.4 peratus kepada 3,107 kes berbanding 3,468 kes pada 2000, kata Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Daripada 3,107 kes yang dilaporkan pada 2001, 855 kes atau 27.5 peratus berlaku di Selangor, 431 kes (13.9 peratus) di Pulau Pinang, 379 kes (12.2 peratus) di Johor dan selebihnya di negeri lain.

Beliau berkata, antara bentuk keganasan rumah tangga yang dilaporkan ialah perbuatan seperti dengan sengaja atau disedari mengugut atau menakutkan mangsa dengan kecederaan fizikal dan melakukan paksaan seksual terhadap mangsa.

Selain itu, katanya, keganasan rumah tangga juga meliputi perbuatan mengurung atau menahan mangsa dan melakukan khianat atau kerosakan ke atas harta benda yang menyebabkan mangsa kesedihan atau kegusaran.

"Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga memandang serius dan prihatin terhadap masalah keganasan rumah tangga.

"Mangsa keganasan rumah tangga yang kebanyakannya wanita dan kanak-kanak perlu diberi pembelaan sewajarnya tetapi yang lebih penting ialah mencegah kegiatan itu.

"Dalam usaha mengatasi masalah itu, kementerian menganjurkan Kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (OMBAK) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 23 Julai 2001.

"Objektif kempen itu ialah meningkatkan kesedaran awam mengenai isu keganasan dan menggerakkan kita semua untuk membantu membanteras keganasan khususnya terhadap wanita," katanya menjawab soalan Senator Siti Zailah Mohd Yusoff di Dewan Negara, hari ini.

Sementara itu, menjawab pertanyaan Senator Datuk Hazizah Mohd Sultan, Shahrizat berkata, kementerianya amat memberi perhatian kepada kesihatan wanita malah ia adalah satu bidang yang diberi tumpuan.

Beliau berkata, daripada pemantauan kerajaan, taraf kesihatan wanita Malaysia terus menunjukkan peningkatan dengan purata jangka hayat wanita meningkat daripada 74 tahun pada 1995 kepada 74.7 tahun pada 2000.

Katanya, kadar kematian ibu mengandung pula kekal rendah pada kadar 0.2 kematian bagi setiap kelahiran hidup.

"Dalam usaha meningkatkan tahap kesihatan wanita luar bandar, kerajaan memperluaskan perkhidmatan perbidanan termasuk perkhidmatan kesihatan sebelum bersalin.

"Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan program pemakanan bagi ibu mengandung khusus untuk wanita berpendapatan rendah termasuk di luar bandar.

"Melalui perkhidmatan yang disediakan agensi kementerian ini iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), tahap kesihatan kaum wanita dapat diawasi dan program juga dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kesihatan mereka," katanya.